

13 MAY 1996

KOLAM TAKUNGAN AIR DIWAJIBKAN DI KAWASAN PERUMAHAN BARU

SEREMBAN, 13 Mei (Bernama) -- Semua pemaju projek perumahan baru yang melebihi 10 hektar di negeri ini dikehendaki membina kolam takungan air bagi mengatasi masalah banjir.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata, satu garis panduan mengenai perkara itu telah diperakukan oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri dan akan dibawa ke mesyuarat Exco Kerajaan Negeri untuk diluluskan.

"Di bawah garis panduan itu, saiz kolam takungan itu hendaklah antara tiga dan lima peratus daripada jumlah keluasan sesebuah projek perumahan baru itu", katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa berkenaan di sini, hari ini.

Pembinaan kolam itu bukan sahaja akan dapat membantu mengatasi masalah banjir malah ia kemudian boleh dijadikan sebagai pusat rekreasi yang lengkap dengan kemudahan sukan air, katanya.

"Ini akan dapat membantu menambahkan keindahan kawasan perumahan yang baru itu sejajar dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar kawasan hijau dapat diwujudkan di setiap kawasan perumahan".

Mohamed Isa berkata buat permulaan garis panduan baru ini akan dikuatkuasakan di beberapa projek pembangunan yang besar di negeri ini seperti Bandar Baru Nilai, Seremban Dua dan Bandar Seremban Selatan.

Jabatan Parit dan Saliran (JPS) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) akan diarah memastikan setiap pemaju projek perumahan baru di negeri ini menerima pakai garis panduan itu, katanya. -- BERNAMA

AS RAB PR